

***SMART READER KIDS ARABIC:***  
**INOVASI DALAM PENDIDIKAN PRASEKOLAH**

Norfaezah Mohd Hamidin<sup>1</sup>, Idi Hamdi<sup>2</sup>

[norfaezah@kuis.edu.my](mailto:norfaezah@kuis.edu.my)<sup>1</sup>, [idi.hamdi@kuis.edu.my](mailto:idi.hamdi@kuis.edu.my)<sup>2</sup>

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

**ABSTRAK**

Masalah penguasaan bahasa Arab di peringkat sekolah rendah dan menengah seterusnya di Institut Pengajian Tinggi (IPT) perlu dilihat secara serius puncanya. Antara punca yang dikenalpasti ialah pelajar tiada asas bahasa Arab di peringkat bawahan. Oleh yang demikian, kanak-kanak berusia antara 3 hingga 6 tahun perlu didedahkan dengan bahasa Arab di peringkat prasekolah untuk mengelakkan dari ketinggalan menguasai bahasa Arab di peringkat persekolahan. Pembelajaran bahasa Arab sejak kecil lebih mudah dipraktikkan berbanding pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan membincangkan kaedah strategik untuk membolehkan kanak-kanak prasekolah menguasai bahasa Arab dengan mengambil pendekatan yang sama digunakan oleh prasekolah *Smart Reader Kids* untuk bahasa Inggeris yang merupakan bahasa kedua di Malaysia. Kanak-kanak akan didedahkan dengan teknik cepat membaca dalam bahasa Arab mengaplikasikan teori yang sama dalam menguasai bahasa Inggeris. Metod yang dipilih berdasarkan kejayaan *Smart Reader Kids* yang melahirkan kanak-kanak prasekolah boleh membaca bahasa Inggeris dalam sistem pendidikannya.

**Kata kunci:** Prasekolah, *Smart Reader Kids*, Bahasa Arab

**SMART READER KIDS ARABIC:  
AN INNOVATION IN PRE-SCHOOL EDUCATIONAL SYSTEM**

**ABSTRACT**

The problems in Arabic language proficiency in all level of education (Primary, Secondary & Tertiary level) are an issue that has been seriously looked upon. One of the reason that can be identified is students do not have the basic components of the language itself. Thus, kids ranging from 3 to 6 years old must be exposed with Arabic language in pre-school level in ordering to prevent them from being left behind in terms of Arabic language proficiency in school. It is easier for the kids to start learning Arabic at their younger age rather than having them to learn the language starting from their primary, secondary or tertiary level of education. This paperwork discusses on the strategy to ensure the kindergarten students to be able to learn Arabic language by using the same method used by Smart Reader Kids in their teaching of English language. The kids will be exposed with technique to enable them to read quickly in Arabic language, applying the same technique used by Smart Reader Kids in English language. This method has been chosen because of the success that Smart Reader has in producing kindergarten kids that are proficient in English language using their own educational system.

**Keywords:** Pre-School, Smart Reader Kids, Arabic Language.

## **1.0 PENDAHULUAN**

Prasekolah merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan pendidikan prasekolah bagi membolehkan kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun memasuki persekolahan lebih awal.

Kementerian Pelajaran Malaysia mula melaksanakan program pendidikan prasekolah annex pada tahun 1992, sebagai projek rintis berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 18 Disember 1991 yang telah bersetuju mewujudkan sebanyak 1,131 buah kelas prasekolah. Sementara itu Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Jun 2001 telah bersetuju supaya KPM meneruskan program peluasan prasekolah mulai tahun 2002. Sejak daripada itu peluasan prasekolah telah dijalankan dari semasa ke semasa mengikut dasar sedia ada, NKRA Pendidikan dan juga cadangan peluasan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan bahawa Sistem Pendidikan Kebangsaan merangkumi Pendidikan Prasekolah, Pendidikan Rendah, Pendidikan Menengah, Pendidikan Lepas Menengah dan Pendidikan Tinggi. Menjadi tanggungjawab KPM untuk memberi perhatian yang serius kepada pembangunan pendidikan prasekolah di negara ini. Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan aspek-aspek penting mengenai prasekolah, iaitu penubuhan tadika, kuasa Menteri menubuh dan menyelenggara tadika, kurikulum prasekolah, bahasa pengantar, pengajaran agama Islam dan sebagainya.

Dari segi pendemokrasian pendidikan, dasar yang khusus membolehkan kanak-kanak menikmati peluang pendidikan prasekolah tanpa mengira pendapatan keluarga, kawasan tempat tinggal dan kumpulan etnik termasuk kanak-kanak dengan keperluan pendidikan khas (Children with Special Education Needs).

Di antara prinsip-prinsip asas dasar ialah menyediakan kemudahan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak yang berumur antara empat dan enam tahun. Memastikan penggunaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Guru-guru prasekolah hendaklah mempunyai latihan dalam bidang pendidikan prasekolah. Memastikan kemudahan fizikal dan peralatan bersesuaian dan berkualiti dibekalkan. Satu mekanisma naziran dan penyeliaan dijalankan. Kerajaan juga memastikan semua institusi pendidikan prasekolah mematuhi peraturan-

peraturan Pendidikan Prasekolah 1996 seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 24, Akta Pendidikan 1996.

Pendidikan Prasekolah adalah satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum memasuki ke Tahun Satu. Pendidikan prasekolah bertujuan untuk menyuburkan potensi murid dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.

Antara objektif pendidikan prasekolah ialah mempunyai sifat peribadi, perwatakan dan konsep diri yang positif untuk menjadi warganegara yang patriotik, menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan memperkembangkan kemahiran berbahasa dan berkomunikasi, menggunakan bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian selaras dengan kedudukannya sebagai bahasa kedua, mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian berasaskan ajaran agama, mempunyai kemahiran kognitif untuk berfikir dan menyelesaikan masalah, mempunyai kematangan emosi dan kemahiran sosial, mempunyai daya kreativiti dan estetika untuk menghargai keindahan alam dan warisan budaya. Menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil dengan betul untuk berkomunikasi di sekolah yang menggunakan bahasa pengantar bahasa Cina dan bahasa Tamil dan mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian untuk murid beragama Islam.

Bahasa Arab merupakan antara subjek yang diajar di peringkat prasekolah samada kerajaan ataupun swasta. Prasekolah yang berlatarbelakangkan pendidikan Islam menjadi pilihan ramai ibubapa kini. Ibubapa sudah menyedari akan kepentingan pendidikan Islam kepada anak-anak mereka mulai anak-anak mereka memasuki alam persekolahan. Kini, kebanyakan ibubapa mula menghantar anak-anak mereka ke sekolah seawal usia tiga tahun. Peluang ini patut diambil oleh golongan yang memahami akan kepentingan bahasa Arab kepada pendidikan awal kanak-kanak. Kanak-kanak di Malaysia tidak perlu hanya menguasai bahasa Inggeris berdasarkan kepentingannya dalam masyarakat Malaysia kini, bahkan bahasa Arab juga perlu mendapat tempat yang sama sepertimana bahasa Inggeris.

Menyedari akan masalah penguasaan bahasa Arab di sekolah-sekolah, mahupun pengajian tinggi, perubahan drastik perlu dilakukan dengan segera untuk memulihkan kedudukan

bahasa Arab di kalangan masyarakat Malaysia. Perubahan yang dilakukan perlulah berdasarkan penyelesaian yang betul dalam merungkai segala permasalahan. Dalam peristiwa Nabi Muhammad SAW menerima wahyu pertama daripada malaikat Jibril ketika baginda berkhalwat, ayat pertama yang diturunkan ialah *Iqra'*. Malaikat Jibril mengulanginya sebanyak tiga kali sehingga Rasulullah SAW berupaya mengikutinya. Ini menunjukkan petanda aras bahawa untuk merubah sesuatu ketamadunan manusia perlulah melalui penerapan budaya membaca dikalangan sesebuah masyarakat sehingga pepatah mengatakan “bangsa berjaya ialah bangsa membaca”. Jenis bacaan Islamik perlulah menjadi pilihan utama untuk memberi panduan hidup yang betul.

Bertitik tolak daripada itu, pepatah Melayu berkata “melentur buluh biarlah dari rebungnya”. Bermakna amalan pembacaan perlulah bermula sejak dari kecil lagi. Namun hakikatnya, di peringkat prasekolah, kanak-kanak tidak didedahkan dengan buku-buku Arab yang menjurus kepada pengucapan komunikasi. Hanya pendedahan bahasa Inggeris dan Mandarin sahaja diberi keutamaan kepada kanak-kanak seawal usia tiga hingga enam tahun sebelum mereka melangkah ke alam sekolah rendah. Perkara ini terjadi kerana tidak wujudnya satu kurikulum yang digubal untuk bacaan kanak-kanak prasekolah. Inilah objektif utama kajian ini dijalankan untuk menyediakan satu kurikulum bersepadu kepada kanak-kanak prasekolah dalam menguasai kemahiran membaca bahasa Arab. Kaedah yang digunakan ialah dengan mengkaji buku-buku bahasa Melayu dan Inggeris di pasaran untuk kanak-kanak prasekolah dan mengolahnya ke dalam bahasa Arab menggunakan teori yang sama. Dengan metod ini, diharapkan kanak-kanak dapat menguasai kemahiran bahasa Arab terutama membaca di peringkat prasekolah lagi. Kajian ini amat penting untuk mengelakkan keciciran kanak-kanak dalam mengenali bahasa Arab seawal usia lagi. Kepincangan akhlaq yang berlaku di kalangan masyarakat Islam mutakhir ini juga adalah berpunca daripada jauhnya tentang kefahaman Islam itu sendiri yang perlu didasari dengan budaya *Iqra'*.

*Smart Reader Kids Arabic* adalah cetusan idea daripada francais *Smart Reader Kids English* dan Mandarin yang diperkenalkan kepada kanak-kanak prasekolah. Namun, *Smart Reader Kids Arabic* tidak wujud disebabkan kurangnya pendedahan bahasa ini kepada masyarakat sekeliling. Oleh yang demikian, perlu kepada pelan tindakan dari kelompok pakar bahasa Arab untuk menyediakan kurikulum bahasa Arab bersepadu di peringkat awal pendidikan kanak-kanak dengan segera. Masalah timbul apabila masyarakat kini berlumba-lumba menghantar anak mereka ke prasekolah bertemakan pendidikan Islam seperti Dzul Iman,

PASTI, *Islamic Montessori*, *Genius Aulad* dan *Little Caliphs*. Namun belum ada kurikulum yang begitu kuat untuk menyokong hasrat murni ibu bapa supaya generasi baru terdidik dengan pendidikan Islam melalui pengantaraan bahasa Arab. Kebanyakan yang ada menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua walaupun menekankan aspek pendidikan Islam, sedangkan agama Islam tidak boleh dipisahkan dengan bahasa Arab.

Penguasaan membaca penting di kalangan kanak-kanak prasekolah memandangkan pada umur tiga hingga enam tahun adalah waktu kritikal penguasaan kanak-kanak dalam kemahiran membaca, tidak kira bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin termasuk bahasa Arab. Namun, buku yang ada di pasaran kini hanyalah kurikulum membaca untuk bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan Mandarin. Sedangkan sebagaimana maklum, untuk membina generasi soleh perlulah menyeimbangkan antara ilmu duniawi dan ukhrawi. Perlunya kanak-kanak didedahkan dengan penguasaan bacaan bahasa Arab supaya mereka boleh memahami isi kandungan al-Quran dan Hadith yang diturunkan dalam bahasa Arab dalam pendidikan awal mereka.

Keperluan kanak-kanak mengetahui bahasa Arab secara teratur mulai dari prasekolah lagi bertujuan untuk mengelakkan keciciran pada peringkat seterusnya. Bahasa Arab perlu diajar secara berperingkat-peringkat memandangkan ia adalah bahasa asing sebagai pertuturan dalam masyarakat Malaysia berbanding bahasa Inggeris. Adalah lebih mudah kanak-kanak sudah didedahkan di peringkat awal tentang teknik-teknik membaca dengan betul dalam bahasa Arab. Dengan ini, dapat mengatasi masalah kelemahan di peringkat seterusnya.

Modul bahasa Arab peringkat prasekolah perlu dirangka dalam menangani pengaruh bahasa kedua di Malaysia berdasarkan rasional, saintifik dan logik supaya mampu menjadi satu alternatif dalam usaha memartabat bahasa Arab dari awal usia kanak-kanak lagi. Modul ini juga boleh berfungsi sebagai “alat peningkatan bahasa” yang dapat menyedarkan masyarakat tentang teknik dan taktik menguasai bahasa Arab ini supaya mereka merasai mudah untuk dikuasai dan tidak jemu dan susah.

## **2.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Masalah penguasaan bahasa Arab di kalangan masyarakat Melayu Islam amat membimbangkan. Ini diukur dengan pemahaman dan gaya hidup mereka yang semakin jauh dari Islam. Menyedari hakikat itu, timbul kesedaran untuk mengkaji punca-punca berlakunya

kepincangan akhlaq di kalangan masyarakat Islam mutakhir ini. Ini berpunca daripada jauhnya tentang kefahaman Islam itu sendiri yang perlu didasari dengan budaya *Iqra'*. Ayat pertama yang diturunkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW di Gua *Hira'* ketika baginda berkhalwat di situ melalui perantara Malaikat Jibrail ialah *Iqra'*. Ini menunjukkan petanda aras bahawa untuk merubah sesuatu ketamadunan manusia perlulah melalui penerapan budaya membaca di kalangan masyarakat. Jenis bacaan Islamik perlulah menjadi pilihan untuk memberi panduan hidup yang betul. Bertitik tolak dari itu, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Bermakna amalan pembacaan perlulah bermula sejak dari kecil lagi. Namun hakikatnya, di peringkat prasekolah, kanak-kanak tidak didedahkan dengan buku-buku Arab yang menjurus kepada pengucapan komunikasi. Hanya pendedahan bahasa Inggeris dan Mandarin sahaja diberi keutamaan kepada kanak-kanak seawal usia tiga hingga enam tahun sebelum mereka melangkah ke alam sekolah rendah. Perkara ini terjadi kerana tidak wujudnya satu kurikulum yang digubal untuk bacaan kanak-kanak prasekolah.

Implikasi kepada masalah tersebut, akan berlaku kepincangan dalam penguasaan bahasa Arab di Malaysia mengikut cara dan kaedah yang betul dan berkesan. Kepentingan menguasai bahasa Arab pada masa yang betul dan mengikut kaedah yang betul penting untuk memastikan kelestarian bahasa Arab di bumi Malaysia dalam pembentukan sahsiah yang cemerlang melalui bahasa dan komunikasi kepada murid beragama Islam.

Inilah objektif utama kajian ini dijalankan untuk menyediakan satu kurikulum bersepadu kepada kanak-kanak prasekolah dan menerbitkan bahan bacaan dalam bahasa Arab. Kaedah yang digunakan dengan mengkaji buku-buku bahasa Inggeris di pasaran untuk kanak-kanak prasekolah dan mengolahnya ke dalam bahasa Arab menggunakan teori yang sama. Dengan metod ini, diharapkan kanak-kanak dapat menguasai bahasa Arab di peringkat prasekolah lagi. Kajian ini amat penting untuk mengelakkan keciciran kanak-kanak dalam mengenali bahasa Arab seawal usia lagi.

## **2.1 Objektif Kajian**

Antara objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- (a) Mencadangkan satu modul bahasa Arab dengan aplikasi kaedah saintifik, rasional dan logik.

- (b) Mengenalpasti bentuk model bahasa Arab yang biasa digunakan oleh kanak-kanak pra-sekolah.
- (c) Mengenalpasti punca masyarakat mudah terpengaruh dengan bahasa Inggeris berbanding bahasa Arab.

## **2.2 Persoalan Kajian**

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan seperti berikut:

- (a) Apakah teknik yang betul dalam menguasai kemahiran membaca bahasa Arab?
- (b) Bagaimanakah cara yang berkesan untuk menguasai kemahiran bahasa Arab?
- (c) Kenapakah sesetengah masyarakat mudah menerima bahasa Inggeris berbanding bahasa Arab?

## **2.3 Teori yang Berkaitan**

- (a) Psikologi dan biologi kanak-kanak usia tiga hingga enam tahun.
- (b) Pemerolehan bahasa ibunda dan asing di kalangan kanak-kanak kecil.
- (c) Pembelajaran bahasa asing untuk kanak-kanak.
- (d) Psikolinguistik.

## **3.0 KAEDAH PENYELIDIKAN**

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes melalui pemerhatian di *Smart Reader Kids*. Kaedah kedua melalui temubual dan kaedah ketiga soal-selidik. Kemudian melalui kajian dokumentasi yang menggunakan kaedah induktif iaitu dengan merujuk laporan-laporan berkaitan *Smart Reader Kids* yang telah ada sebelum ini. Selain itu, penyelidik akan membuat pemerhatian ke atas beberapa tadika pendidikan Islam dan prasekolah KPM untuk melihat pembelajaran bahasa Arab yang wujud di tempat-tempat tersebut. Analisis dokumen juga akan dijalankan ke atas silibus teks bahasa Inggeris yang digunakan oleh *Smart Reader Kids* atau seumpama dengannya dan mengaplikasikannya ke dalam bahasa Arab dan dokumen silibus Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pendidikan awal kanak-kanak khususnya Program PERMATA.



### **Fasa 1 : Kajian Kes**

Fasa akan melibatkan dua proses utama :

- (a) Fasa pengumpulan data yang akan melibatkan tiga perkara yang utama :
  - i. Pemerhatian – merekodkan laporan dan maklumat yang diperolehi tentang *Smart Reader Kids Arabic* sama ada di dalam buku, forum dan lain-lain.
  - ii. Temubual – menemuramah dalam bentuk kumpulan fokus golongan yang belajar di *Smart Reader Kids*.
  - iii. Soal-selidik – memberikan borang soal-selidik kepada mereka yang berhubung dengan pihak *Smart Reader*.
  
- (b) Analisis data-data sekunder yang telah diperolehi oleh penyelidik lain dalam kajian mereka, artikel-artikel berkaitan serta dokumen-dokumen yang ada dengan *Smart Reader Kids* serta laporan dari pegawai yang terlibat secara langsung dengan kes ini.

### **Fasa 2 : Kajian Dokumentasi**

Dalam fasa ini, penyelidik akan membuat kajian dokumentasi terhadap laporan, maklumat, data yang diperolehi berkaitan dengan *Smart Reader Kids*, prasekolah KPM dan tadika-tadika Islam di Malaysia dalam pembelajaran bahasa Arab. Analisa akan dibuat terhadap kajian data yang diperolehi daripada dokumen yang berkaitan.

### **Fasa 3 : Membina Modul**

Dalam fasa ini, penyelidik akan membangunkan satu modul yang sesuai, rasional dan logik dengan menggabungkan dapatan dari Fasa 1 dan Fasa 2.

### **Fasa 4 : Menguji Modul yang Dibina**

Untuk menguji keberkesanan, satu simulasi menggunakan modul tersebut akan diadakan dengan beberapa orang individu di pihak *Smart Reader Kids*.

## **Fasa 5 : Pengesahan Pakar**

Hasil daripada pengujian di atas akan disahkan oleh beberapa orang pakar dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan bahasa Arab.

### **4.0 JANGKAAN HASIL PENYELIDIKAN**

Kajian ini menepati keperluan masa kini dalam memartabatkan pendidikan Islam di Malaysia kepada kanak-kanak yang berumur tiga tahun ke atas sebelum memasuki sekolah rendah. Kajian ini akan memperkenalkan teknik yang betul dalam kemahiran membaca bahasa Arab kepada kanak-kanak prasekolah. Kajian ini juga akan menghasilkan kurikulum yang baru untuk digunakan oleh kanak-kanak prasekolah di Malaysia berasaskan kurikulum bahasa Arab. Seterusnya akan menggubal silibus buku teks Arab yang bersesuaian dengan kanak-kanak prasekolah. Akhir sekali, harapan daripada penyelidik dapat mencadangkan pelaksanaan menyeluruh kurikulum bahasa Arab di peringkat prasekolah di Malaysia. Dapat menghasilkan modul kurikulum *Smart Reader Arabic* untuk prasekolah. Penguasaan kemahiran membaca bahasa Arab sejak kecil sebelum ke peringkat sekolah rendah dan kanak-kanak sudah boleh bertutur dalam komunikasi bahasa Arab yang mudah.

### **5.0 IMPLIKASI KAJIAN KEPADA MASYARAKAT**

Melalui kajian ini, dapat mewujudkan budaya membaca sejak kecil di kalangan kanak-kanak prasekolah menggunakan bahasa pengantar bahasa Arab dalam menjayakan pendidikan Islam tanpa menggunakan bahasa pengantar bahasa Inggeris. Kanak-kanak dapat menguasai bahasa Arab di awal usia, seterusnya dapat membina generasi *Rabbani* dan *Qurani* yang mengenali siapa pencipta mereka dengan mengenali kalimah Allah yang agung yang terdapat dalam al-Quran. Masalah gejala sosial yang teruk melanda masyarakat Islam di Malaysia kini dapat ditegah dan dicegah dengan terbinanya generasi *Rabbani* dan *Qurani*. Al-Quran dan bahasa Arab tidak dapat dipisahkan. Melalui integrasi konsep Iqra' dan kemahiran membaca buku-buku bahasa Arab dapat membetulkan metod sebenar untuk mencapai objektif pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Abu Urwah (1989) *Sistem-sistem Islam: Satu Analisis Perbandingan*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Abul Ala Maududi (1984) *Menjadi Muslim Sejati*, Jakarta: Mitra Pustaka.
- Ahmad Mohd. Salleh (1997) *Pendidikan Islam, Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*, Selangor: Fajar Bakti.
- Ahmad Syalabi (1973) *Sejarah pendidikan Islam*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang. Edisi terjemahan oleh H. Mucktar Jayja dan M. Sanusi Latief.
- Ahmad Tafsir (1992). *Ilmu pendidikan dalam perspektif Islam*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Al-Abrasy, Mohd.'Athijah, 1970, *Dasar-Dasar Pokok Pendidikan Islam*, Bulan Bintang, Jakarta.
- Ali, Hamdani, 1986, *Filsafat Ilmu Pendidikan*, Kota Kembang, Jogjakarta.
- Dasar-Dasar Pokok Pendidikan Islam, 15-18, Prof. Dr. Mohd.'Athijah Al-Abrasy, 1970, Bulan Bintang, Jakarta.
- Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan [Kementerian Pelajaran Malaysia](http://www.kem.gov.my), 2003.
- Mahmud Yunus (1973) *Tafsir quran karim*. Jakarta: P.T. Hidayakarya Agung.
- Syed Hussein Alattas (2005). *Pemikiran dan falsafah pendidikan: mahasiswa abad 21*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan UKM dan Yayasan Istana Abdul Aziz. Abdul Razaq Ahmad (editor).
- Marimba, Ahmad D., 1980, *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*, Bandung, Al-Ma'arif.
- Mohd. Liki Hamid (2000) *Pengajian Tamadun Islam, Sejarah, Pencapaian dan Masa Depan*, Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Silibus Smart Reader Kids. <http://www.smartreaderkids.edu.my/>

Silabus Little Caliphs Program. <http://littlecaliphs.com.my>

Silabus Program Pasti. <http://www.pastimalaysia.com/>

Silabus Genius Aulad. <http://www.geniusaulad.com.my/>

Silabus Dzul Iman. <http://www.dzuliman.edu.my/v2/>

Yusuf Qardhawai (2001) *Roh Ibadah, Hakikat dan Hikmahnya*, Kuala Lumpur: Jasmani Enterprise.

Yusuf Qardhawi (2000) *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*, Selangor: Penerbit Seribu Dinar.